

“

Kita mahu pelajar-pelajar untuk mendalami seni taman dalam akuarium dalam usaha pemuliharaan alam sekitar serta potensi untuk pengkomersialan.”



HIASAN separa akuatik yang kelihatan menakjubkan dan mencuri perhatian pengunjung.



Dedah pelajar kepada seni vivarium

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intansuhanaomar@gmail.com

VIVARIUM adalah satu cara pemuliharaan ex-situ iaitu pemuliharaan terhadap organisma sama ada fauna atau flora di luar habitat semula jadi mereka.

Ia dibuat di kawasan yang biasanya tertutup untuk menjaga haiwan dan tumbuhan untuk pemerhatian atau penyelidikan.

Selain dibina untuk tujuan khusus bagi pemuliharaan flora dan fauna atau pun dibina oleh peminat dan pencinta alam sekitar sebagai hobi, ia mempunyai nilai yang tinggi sebagai hiasan rumah, landskap serta persekitaran.

Justeru itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Fakulti Pertanian mengorak langkah menggalakkan pelajar untuk menambah nilai produk berpotensi tinggi itu.

Sehubungan itu, Festival Vivarium 2018 telah dianjurkan baru-baru ini dengan tema ‘Menjivai Dunia Flora’ dan Fauna untuk memberikan pendedahan kepada pelajar.

Menurut Pengarah



PESERTA pameran melayari pengunjung yang hadir di Festival Vivarium UPM.

Programnya, Muhd. Zuhairi Ali, objektif utama penganjuran program tersebut ialah untuk memberi kesedaran dan pemahaman kepada pelajar dan masyarakat tentang pentingnya memelihara flora dan fauna.

“Kita mahu pelajar-pelajar untuk mendalami seni taman dalam akuarium dalam usaha pemuliharaan alam sekitar serta potensi untuk pengkomersialan. “Selain itu, kita juga mahu mendekati masyarakat dengan dunia pertanian mengenai pentingnya memelihara flora dan fauna untuk generasi akan datang.”

“Kokedama boleh dijadikan tanaman hiasan secara gantung atau diletakkan pada bekas yang sesuai.

“Ia bukan sahaja menjimatkan ruang kerana boleh digantung, malah kawasan penanaman kelihatan lebih cantik dan menarik dengan gantungan pokok unik tersebut,” ujarnya.

Menurut, **Syah Rizal Jalil**, 21, pula aktiviti berkenaan mengeratkan hubungannya dengan rakan-rakan ketika bersama-sama untuk mencari idea untuk pameran.

“Aktiviti ini secara tidak langsung memberi peluang kepada kami berkongsi idea dan pendapat untuk menghasilkan seni vivarium ini. “Untuk kali ini kami memilih konsep vivarium semi akuatik dengan ikan gapi untuk menghasilkan satu konsep yang indah dan cantik,” jelasnya.

Pelajar Bachelor Sains Hortikultur, Fakulti Pertanian, UPM, **Siti Norhanisah Lokman** berkata melalui program itu, dia dapat melihat serta mempelajari bagaimana untuk menanam dan menjaga pokok di dalam bekas yang cantik untuk dijadikan perhiasan.

“Saya mempelajari ilmu baharu untuk menghasilkan sebuah terrarium serta dapat meningkatkan kefahaman mengenai vivarium sebelum menerangkan kepada pengunjung,” katanya.

Gambar **NOOREEZA HASHIM**



ANTARA projek vivarium yang berjaya dihasilkan oleh pelajar.



ANTARA kumpulan pelajar yang terlibat dalam Projek Festival Vivarium, di Universiti Pertanian Malaysia.

Nilai vivarium

PENGANJURAN Festival Vivarium 2018 baru-baru ini merupakan yang keenam dan bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pemuliharaan flora dan fauna melalui vivarium.

Penasihat Program, **Dr. Mohd Firdaus Ismail** berkata, program itu bertujuan memberi kesedaran serta pemahaman bukan sahaja kepada pelajar malah kepada masyarakat mengenal pentingnya memelihara flora fauna untuk generasi akan datang.

“Vivarium adalah satu cara pemuliharaan ex-situ terhadap organisma sama ada flora dan fauna di luar habitat semula jadi mereka, dan dibuat di kawasan yang biasanya tertutup

untuk pemerhatian atau penyelidikan,” katanya. Jenis-jenis vivarium antaranya ialah akuarium yang melibatkan pembinaan ekosistem akuatik seperti ikan, alga dan tumbuhan air, manakala terrarium merupakan sebuah ekosistem tertutup yang menggunakan tumbuh-tumbuhan, tanah, serangga atau haiwan.

Paludarium pula ialah ekosistem separa akuatik yang menggabungkan semua elemen sama ada akuatik dan daratan contohnya riparium iaitu vivarium yang berkonsepkan kawasan tepian sungai.



MOHD FIRDAUS ISMAIL

INFO

- Penglibatan seramai 100 pelajar semester sesi 2018/2019 UPM dari Kursus Botani Pertanian (AGR 3101) kumpulan satu dan empat menyertai festival itu.
- Vivarium dibina untuk tujuan khusus bagi pemuliharaan flora dan fauna serta merupakan satu produk yang mempunyai nilai tinggi sebagai hiasan rumah, landskap serta persekitaran yang selalunya dibina oleh peminat serta pencinta alam sekitar sebagai hobi.
- Terdapat pelbagai jenis vivarium antaranya akuarium biasanya melibatkan pembinaan ekosistem akuatik seperti ikan, alga dan tumbuhan air.



PAMERAN Kokedama yang dijadikan tanaman hiasan oleh pelajar Fakulti Pertanian.

KOKEDAMA atau bebola lumut yang dihasilkan oleh pelajar untuk dipamerkan pada Festival Vivarium.